

Gotong-royong beri kesedaran komuniti

Nursaliawati Salberi

TELOK MAS - Penganjuran gotong-royong bersama jabatan atau agensi kerajaan merupakan antara kaedah dalam menyahur dan menyampaikan maklumat secara terus kepada masyarakat setempat.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Datuk Shadan Othman berkata, pembabitan pelbagai jabatan dan agensi dalam sesuatu penganjuran



amat penting perlu diadakan diteruskan.

Malah, ujarnya, MBMB buat pertama kalinya bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memberi kesedaran

kepada masyarakat tentang gejala rasuah yang perlu dijauhi.

"Jika sebelum ini kebanyakan program MBMB khususnya gotong-royong kami bersama hanya dengan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) sahaja dan buat pertama ka-

linya kali ini MBMB bekerjasama dengan SPRM.

"Menerusi program ini kita bukan sahaja bertujuan untuk pastikan kebersihan di kawasan tempat tinggal sebaliknya ingin menyalurkan kepada masyarakat sekitar pentingnya amalan pencegahan rasuah.

"Oleh itu apabila terdapat pembabitan agensi atau jabatan lain dalam program seperti ini masyarakat secara tidak langsung mendapat pendedahan tentang sesuatu perkara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

ditemui selepas perasmian Program Gotong-Royong Perdana Dan Pencegahan Anti Rasuah Bersama Komuniti Telok Mas, di Taman Alai Perdana, 13 Julai lalu.

Terdahulu, perasmian program tersebut disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Telok Mas, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman dan hadir sama Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka Adi Supian Shafie.

Menurut Shadan, masyarakat setempat diseru untuk bersama-sama dalam menjayakan apa jua

program yang diadakan di kawasan mereka kerana ia memberi manfaat cukup besar kepada komuniti.

"Dalam melaksanakan program gotong-royong misalnya kita bukan sahaja tertumpu kepada kebersihan tetapi juga sebarkan serta berkongsi tentang integriti.

"Malah dengan adanya reruai seperti pemeriksaan kesihatan masyarakat dapat meluangkan masa untuk mengetahui tahap kesihatan mereka jadi untuk itu kerjasama masyarakat amat perlu untuk sama-sama kita jayakan apa jua penganjuran," katanya.



GIMIK pelancaran Gotong-Royong Perdana Dan Pencegahan Anti Rasuah Bersama Komuniti Telok Mas, di Taman Alai Perdana, Telok Mas. Foto MBMB



SHADAN mengiringi Abdul Razak dan kenamaan pada program Gotong-Royong Perdana Dan Pencegahan Anti Rasuah Bersama Komuniti Telok Mas, di Taman Alai Perdana. Foto MBMB